

TEKS UCAPAN

YB MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA

**KEMPEN KESELAMATAN LEBUH RAYA SEMPENA HARI RAYA
AIDILFITRI 2022**

“KELUARGA MALAYSIA, PERJALANAN SELAMAT”

PADA

26 APRIL 2022

BERTEMPAT DI

**KAWASAN REHAT DAN RAWAT DENGKIL
(ARAH SELATAN)**

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat Nya jua, kita semua dapat berkumpul pada petang ini, untuk Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Lebuh Raya yang bertemakan “KELUARGA MALAYSIA, PERJALANAN SELAMAT” Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022.

Insyallah, kempen keselamatan yang akan dilancarkan sebentar lagi cukup relevan dengan usaha ke arah mempertingkatkan keselamatan pengguna lebuh raya dan jalan raya ketika musim perayaan di Malaysia.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Ramadan semakin menuju ke penghujungnya dan perayaan Hari Raya Aidilfitri bakal disambut tidak lama lagi (sama ada pada 3 atau 4 Mei 2022). Perayaan tahun ini lebih bermakna, kerana selepas Negara beralih ke Fasa Peralihan Ke Endemik, tiada lagi sekatan balik kampung untuk sambutan Aidilfitri, selepas 2 tahun kita tidak dapat berbuat demikian demi mematuhi Prosedur Operasi Standard akibat penularan pandemik Covid-19.

Justeru, Kementerian Kerja Raya menjangkakan bakal berlaku kesesakan di beberapa lokasi tertentu disebabkan oleh penambahan bilangan kenderaan di lebuh raya, pada Aidilfitri tahun ini.

JADUAL CADANGAN WAKTU PERJALANAN ATAU TRAVEL TIME ADVISORY (TTA)

Sehubungan itu, pengguna khususnya yang menggunakan Lebuhraya Utara – Selatan, Lebuhraya KL-Karak, Lebuhraya Pantai Timur 1 (Karak-Jabor) dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (Chenor – Kuala Terengganu) disarankan untuk menggunakan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan atau TTA yang disediakan oleh Syarikat Konsesi bagi merancang perjalanan balik kampung dan kembali semula ke kota. TTA disediakan sebagai saranan waktu yang sesuai kepada pengguna berdasarkan unjuran *trend* trafik dan tempoh perjalanan dari sesuatu destinasi. Pengguna boleh merujuk TTA di laman web LLM dan Syarikat Konsesi serta hebahan di media sosial.

PENGURUSAN TRAFIK DI LEBUH RAYA

Pada musim perayaan ini juga, Pusat Pengurusan Trafik (TMC) LLM dan 25 pusat kawalan trafik lebuhraya bertol di Malaysia akan menjadi “nerve centre” (Pusat Utama) bagi mendapatkan dan melaporkan maklumat trafik terkini serta lain-lain pertanyaan pengguna. TMC sentiasa bersedia untuk memantau perjalanan di lebuhraya serta memberikan informasi trafik yang tepat dan terkini kepada pengguna lebuhraya.

Sukacita saya umumkan bahawa TMC LLM dan syarikat konsesi lebuhraya akan beroperasi 24 jam sehari bermula 29 April sehingga 9 Mei 2022. Pengguna disarankan untuk menghubungi TMC melalui **talian hotline 1-800-88-7752** untuk mendapatkan maklumat mengenai situasi trafik semasa di lebuhraya.

PENGOPERASIAN LEBUH RAYA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam memastikan keluarga Malaysia menikmati perjalanan yang lancar, pengguna dinasihatkan agar kad Touch 'n Go atau *e-wallet RFID* mempunyai baki yang mencukupi. Syarikat konsesi juga telah menyediakan Touch 'n Go *spot* dan *self service kiosk* bagi kemudahan tambah nilai. Sukacita diingatkan bahawa pengguna perlu memastikan mod pembayaran yang betul sewaktu masuk dan keluar lebuhraya.

Disamping itu, syarikat konsesi juga telah diarahkan untuk melaksanakan inisiatif berikut:

- Menambah bilangan pasukan petugas operasi dan penyenggaraan lebuhraya;
- Menambah kekerapan rondaan oleh pasukan ronda bagi menghadapi sebarang kemungkinan kes kemalangan atau insiden lain;
- Menyediakan pasukan bantuan kecemasan dan agensi penguatkuasa yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta anggota RELA di lokasi-lokasi yang dikenalpasti;
- Menyediakan kemudahan kenderaan dan jentera sokongan seperti kren dan kembalikan (*tow-truck*) di lokasi strategik bagi mempercepatkan proses pengalihan dan penundaan kenderaan rosak atau yang terlibat dengan kemalangan;

- Menyediakan kemudahan tandas tambahan, tempat meletakkan kenderaan sementara dan memastikan bekalan air mencukupi;
- Menangguhkan sementara kerja-kerja penyenggaraan di lebuh raya utama yang melibatkan penutupan lorong mulai 29 April 2022 sehingga 9 Mei 2022 bagi mengelakkan berlakunya kesesakan kecuali bagi kerja-kerja kecemasan yang memerlukan pembaikan segera dilaksanakan.

KERJASAMA STRATEGIK DENGAN AGENSI PENGUATKUASA & KECEMASAN

Koordinasi yang erat di antara KKR dengan rakan strategik seperti KKM, PDRM, JPJ, BOMBA serta Syarikat Konsesi, pastinya akan meningkatkan lagi kesiapsiagaan kita dalam memberikan bantuan terbaik kepada pengguna lebuh raya, Insya Allah.

Menteri Pengangkutan juga telah mengumumkan larangan kenderaan berat selama tiga hari sebelum dan dua hari selepas Hari Raya Aidilfitri iaitu pada 30 April sehingga 2 Mei serta 7 dan 8 Mei 2022.

PENUTUP

Dalam keghairahan balik kampung, saya ingin memberikan 6 nasihat kepada Keluarga Malaysia:

- Rancang perjalanan dan patuhi TTA yang disediakan;
- Pastikan kenderaan telah diselenggara;
- Dapatkan rehat yang mencukupi sebelum memulakan perjalanan;
- Berhenti di kemudahan yang disediakan sepanjang lebuh raya;

- Pastikan baki kad Touch 'n Go dan e-wallet mencukupi;
- Patuhi had laju dan peraturan yang ditetapkan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melahirkan penghargaan dan terima kasih serta ucapan syabas di atas kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat terutamanya KKM, PDRM, JPJ, BOMBA, LLM serta semua syarikat konsesi lebuhraya dalam menjayakan kempen ini.

Saya juga berbesar hati kerana pada hari ini, tuan rumah iaitu Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) menyumbang juadah berbuka puasa melalui pengedaran baucar makanan dan minuman kepada pengguna yang singgah di Kawasan Rehat & Rawat Dengkil Arah Selatan.

Akhir kata, saya mendoakan semoga Keluarga Malaysia dapat pulang ke kampung dan kembali ke ibu kota dengan selamat.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya merasmikan Kempen Keselamatan Lebuhraya **KELUARGA MALAYSIA, PERJALANAN SELAMAT** Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2022.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.